

Kerukunan Hidup Melalui Dialog Kehidupan: Kajian Kes di Taman Perumahan di Kuala Terengganu

Harmonious Relationship through Dialogue of Life: A Case Study at Residential Area in Kuala Terengganu

AZARUDIN AWANG, AZMAN CHE MAT, MOHAMMAD KAMARI TAIB, NOOR HASYIMAH SULAIMAN &
WAHAIRI MAHMUD

ABSTRAK

Hubungan interaksi antara agama sering kali dibayangi dengan kecenderungan terhadap persepsi yang negatif dalam kalangan masyarakat multi-etnik dan agama. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat persepsi amalan kerukunan agama dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu yang tinggal di kawasan perumahan. Data yang diperolehi adalah melalui kaedah kualitatif iaitu temu bual ke atas lima belas orang komuniti yang tinggal di taman perumahan Padang Midin, Kuala Terengganu. Hasil kajian menunjukkan bahawa maklumat awal tentang agama Islam komuniti Cina Terengganu banyak diperolehi melalui dialog kehidupan yang berlaku antara komuniti Cina bukan Muslim dengan masyarakat Melayu Muslim. Hasil kajian mendapati persepsi kerukunan hidup di taman perumahan merangkumi persepsi positif dan negatif. Persepsi komuniti Cina dari aspek positif terhadap amalan kerukunan agama masyarakat Muslim di kawasan taman ialah seperti jujur, suka membantu dan memberi buah tangan. Manakala dari aspek negatif, antara amalan yang membantut proses kerukunan hidup beragama ialah gangguan dan cacian khususnya dalam kalangan remaja Melayu Muslim yang tinggal di kawasan perumahan. Melalui kerukunan hidup beragama melalui dialog kehidupan, komuniti Cina banyak mengetahui sesuatu yang baru dalam agama Islam sekaligus sedikit sebanyak membetulkan semula stereotaip negatif mereka terhadap agama itu. Hasil kajian ini penting kerana dapat mendedahkan tentang cabaran sebenar yang dihadapi dalam memastikan kelestarian kehidupan yang aman dan rukun di taman-taman yang didiami oleh pelbagai etnik

Kata kunci: Kerukunan; dialog kehidupan; taman perumahan; komuniti Cina; hubungan

ABSTRACT

Inter-religious interactions are often overshadowed by a tendency to negative perceptions among multi-ethnic and religious communities. Therefore, this study aims to analyse the perception of religious practice among the Chinese in a residential area at Terengganu. The data obtained through the qualitative method of interviews over the fifteen community members residing in the Padang Midin, Kuala Terengganu. The result showed that information that related to Islamic teaching was found to be obtained through a life dialogue that occurred among non-Muslim Chinese communities with the Malay Muslim community. The results of the study found that the perception for the practice of religious harmony consist of positive and negative perception. The Chinese community gives a positive perception towards the religious practices of the Muslim community, such as Muslim people are honest, helpful, and like to give souvenirs. While, in a negative aspect there a few practices that interrupt the process of religious harmony such as nuisance and the emphasis was done by Malay Muslim teenagers that live in a residential area. Religious harmony can be achieved through dialogue of life because the Chinese community gets a lot of knowledge regarding to Islamic religion at a certain extent of correcting their negative perceptions towards Islam. The results of this study are important to expose the actual challenges faced in ensuring the sustainability of a peaceful life and pillars in the residential area that have various ethnic groups.

Keywords: Religious harmony; dialogue of life; residential; Chinese community; relationship

Pengenalan

Salah satu cabaran utama dalam kehidupan berjiran ialah kurangnya kerukunan hidup kerana perbezaan agama, etnik atau budaya. Berkait dengan ini, taman perumahan menjadi asas yang kukuh dalam merangsang, memperkukuh dan memperkasa hubungan antara etnik dalam kalangan pelbagai komuniti. Dalam lingkungan taman perumahan, penduduk pelbagai etnik perlu saling belajar untuk menyesuaikan diri dan menghormati komuniti yang lain. Sehubungan itu, warga taman perlu mengenal dan memahami sensitiviti yang wujud di persekitaran taman khususnya dalam konteks etnik yang pelbagai malah mereka juga perlu berperanan dalam persekitaran taman dengan mendukung kegiatan-kegiatan yang mampu menjamin kerukunan hidup beragama.

Negeri Terengganu didiami majoritinya kelompok masyarakat Melayu yang beragama Islam membentuk 95% daripada jumlah penduduk. Manakala kelompok Cina merupakan kelompok bukan Muslim yang terbesar iaitu 2.5% yang menganut agama-agama yang dibawa dari Tanah Besar Cina (Buddha, Taoisme dan Confucianisme) (Bancian Penduduk & Perumahan Malaysia 2010). Hubungan komuniti Cina dengan masyarakat Melayu tempatan telah sekian lama membentuk kerukunan hidup yang cukup aman dan damai di negeri ini. Namun, Marzuki et al. (2019) menyatakan sikap prejudis, stereotaip dan diskriminasi dilihat mempunyai upaya mempengaruhi bentuk-bentuk interaksi sosial dalam kehidupan berjiran di taman perumahan. Ertinya fenomena interaksi sosial dalam komuniti di Malaysia menjadi petunjuk 'keadaan sosial' masyarakat tersebut sama ada mempunyai kesepaduan sosial yang baik ataupun sebaliknya. Keadaan ini sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap tahap kepercayaan antara etnik yang mendiami sesuatu kawasan kediaman. Justeru, sentimen kejiranan khususnya yang menyentuh soal agama dan kebudayaan boleh menjadi indikator dalam menentukan tahap kepercayaan antara etnik dalam sesebuah masyarakat yang didiami oleh pelbagai etnik. Insiden Kampung Rawa 1998 dan tragedi Kampung Medan 2001 merupakan antara contoh konflik antara kaum yang bertitik tolak dari kawasan kediaman ekoran kegagalan menyelesaikan perbezaan yang timbulkan (Jazimin dan Sity 2018). Oleh itu kajian ini melihat persepsi penerimaan amalan kerukunan beragama melalui pendekatan dialog kehidupan masyarakat Cina yang tinggal di kawasan perumahan yang berjiran komuniti Melayu Islam.

Kerukunan Hidup Melalui Pendekatan Dialog Kehidupan

Ibnu Rusydi dan Siti Solehah (2018) menyatakan kerukunan sebagai istilah yang sarat dengan maksud 'segala bentuk kebaikan' dan 'kedamaian'. Makna lainnya ialah kesatuan hati dan bersepakat iaitu mengelakkan sebarang bentuk perbalahan. Manakala, kerukunan dalam beragama boleh dinyatakan sebagai kebersamaan antara umat yang pelbagai agama saling menerima, menghormati, tolong menolong dan bekerjasama bagi mencapai sesuatu tujuan. Menurut Mukti Ali, kerukunan agama berlaku dalam tiga bentuk iaitu kerukunan agama sesama agama, kerukunan antara agama dan kerukunan umat beragama dengan pemerintah (Hamdan 2018). Dengan ajaran masing-masing, setiap agama mengajarkan tentang kerukunan hidup sesama manusia. Namun dalam hubungan antara umat beragama, fenomena konflik yang bertitik tolak dari persoalan agama tidak dapat dihindari (Afriva 2006). Justeru, kesedaran tentang peri pentingnya keharmonian hidup beragama perlu digemblengkan oleh semua ahli masyarakat.

Kerukunan beragama merupakan prasyarat kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara. Umat yang merealisasikan kerukunan dalam kehidupan beragama yang taat sudah tentu tidak akan memusuhi umat agama lain, biarpun berbeza pegangan hidup. Namun, isu-isu yang berkait dengan hubungan penganut antara agama berpotensi untuk mewujudkan ketidakselesaan dan konflik antara agama dalam kalangan pelbagai penganut agama (Nazneen et al. 2018). Khadijah et al. (2019) menyenaraikan antara contoh konflik tersebut ialah kemarahan rakyat terhadap penggunaan kalimah 'Allah', isu pasangan remaja Alvin dan Vivian yang menghina agama Islam, meletakkan kepala babi di masjid Rawang dan Sentul, kemelut kuil Sri Mariamman di Shah Alam dan sebagainya.

Pada dasarnya, kerukunan hidup beragama tidak dapat dipisahkan dengan budaya toleransi. Osman Bakar (2011) berpandangan toleransi ialah suatu kemampuan seseorang untuk mengenal pasti dan seterusnya menghormati pegangan serta amalan agama lain yang bertentangan dengan kepercayaan dan amalannya. Dalam konteks masyarakat berbilang bangsa dan agama, amalan toleransi beragama merupakan satu nilai murni yang penting untuk menjaga kerukunan. Kemakmuran hanya boleh dicapai sekiranya dalam kehidupan kita disuburkan dengan amalan toleransi. Dengan kata

lain setiap penganut agama yang berbagai ragam boleh hidup bersama dan menghormati perbezaan hidup secara semula jadi serta bebas mengamalkan ajaran dengan minda yang terbuka. Dalam Islam, tasamuh merupakan istilah yang sering merujuk kepada konsep toleransi. Namun begitu tasamuh bukan bererti Islam membenarkan atau mengakui keyakinan yang lain memandangkan persoalan yang menyentuh keimanan dan akidah perlu dijaga sebaik mungkin oleh umat Islam. Perihal ini diungkapkan oleh Allah pada firmanNya dalam surah al-Kafirun ayat ke enam yang bermaksud ‘untukmu agamaMu, untukku agamaku’. Berkait dengan ini, Ibnu Qayyim Jauziyah (t.t) menyatakan maksud utama dari ayat ini ialah bara’ah (pemisahan) antara ahli tauhid dan ahli syirik. Oleh kerana itu, ayat ini datang dalam bentuk penafian dalam dua sisi bagi merealisasikan bara’ah yang dituntut. Justeru, toleransi Islam bukan hanya bermakna bersetuju sepenuhnya dalam perihal kepercayaan dan keyakinan, malahan seseorang yang terlibat boleh sahaja untuk tidak bersetuju dengan rakan dialog. Namun, ianya hendaklah dengan sebab dan alasan yang tertentu. Justeru, Muhammad Arif dan Muhammad Haikal (2020) menegaskan bahawa toleransi dengan akhlak yang baik bagi seorang Muslim terhadap bukan Muslim hanya terbatas dari aspek yang menyentuh hubungan kemanusiaan sahaja dan tidak melibatkan aspek akidah.

Ahmad Faizuddin dan Jaffary (2018) menyatakan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat pluralistik secara tidak langsung telah memupuk kepada pembinaan hubungan yang baik antara penganut agama, khususnya apabila berlakunya interaksi dan dialog dalam kalangan masyarakat yang berhubung kait persoalan kehidupan seharian. Interaksi yang dikenali sebagai ‘dialog kehidupan’ ini berlaku kerana hidup berjiran atau kerana tujuan muamalat, seperti membeli barangan keperluan di kedai, saling menziarahi ketika majlis perayaan, pelaksanaan program gotong-royong, serta pelbagai bentuk program kemasyarakatan. Justeru, interaksi yang berlaku dalam dialog kehidupan adalah secara spontan dengan tidak tertakluk kepada masa dan tempat yang khusus.

Dialog kehidupan memaparkan wacana yang berbeza dengan dialog antara agama yang lain. Dialog agama yang lain lebih bersifat struktural dan berbentuk birokrasi. Justeru, Martinez (2008) menyatakan bahawa dialog kehidupan merupakan hubungan antara agama yang berlaku secara ‘tidak formal’, berlangsung dalam keadaan “merakyatkan” masyarakat pelbagai kaum dan merangkumi

interaksi ‘non-structure’ yang berlaku dalam tradisi agama dan budaya berbeza. Walau bagaimanapun, perkongsian aktiviti yang ditonjolkan dalam dialog kehidupan merupakan satu bentuk manifestasi terhadap perbincangan yang berlaku dalam dialog yang bersifat struktural. Natiujahnya, setiap manusia mampu menggamit nilai-nilai spiritual dan budaya masing-masing dalam penuh kerukunan tanpa dibelenggu sebarang perasaan prejudis. Dialog kehidupan yang dimanifestasikan melalui hubungan sosial mampu mengesan sebarang bentuk yang mengancam kerukunan hidup yang berkemungkinan tercetus pada peringkat golongan awam sama ada di taman perumahan, kampung atau sekolah.

SIGNIFIKAN KERUKUNAN HIDUP BERJIRAN DI TAMAN PERUMAHAN

Mengambil kira Malaysia sebagai sebuah negara yang multi etnik, di dapati kawasan kejiranan ditandai dengan pemisahan dan perbezaan sosial yang rencam daripada aspek budaya, agama, bahasa dan latar belakang. Kerukunan hidup merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah komuniti yang hidup berjiran sentiasa berada dalam keadaan aman dan harmoni. Hal ini menjadi prasyarat kepada keadaan yang stabil dan masyarakat tanpa konflik (Mohd Syarifudin et al. 2013). Signifikan hubungan antara etnik di Malaysia boleh diperhatikan melalui dasar dan kempen yang mengarahkan kepada perpaduan kaum misalnya kempen penghayatan terhadap Rukun Negara, kempen sambutan perayaan bersama, gagasan 1Malaysia, pelaksanaan dasar Pendidikan Nasional, Dasar Kebudayaan Nasional, Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya. Ini penting kerana interaksi sosial menjadi satu cabaran dalam mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dan erat berasaskan kepada prinsip negara (Marzudi et al. 2019). Hubungan kejiranan dilihat sebagai pemangkin terhadap kerukunan hidup dan kesejahteraan masyarakat melalui pelaksanaan pelbagai kerjasama dan aktiviti perpaduan.

Abu Hāmid Muhammad ibn Muhammad yang juga dikenali sebagai Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya’ Ulumuddin* menyatakan bahawa lingkungan jarak sebagai jiran ialah 40 buah rumah sama ada mereka yang tinggal di kiri, di kanan, di depan atau di belakang rumah seseorang individu, atau di tingkat atas atau bawah bagi kediaman bertingkat. Jiran mencakupi kepada semua orang Muslim dan kafir, orang taat beribadah dan orang fasik, teman

atau musuh, orang asing dan pribumi, orang baik dan orang jahat, saudara dan bukan saudara, yang paling berdekatan rumahnya dan yang berjauhan (Hasmah et al. 2014). Kerukunan hidup tidak akan dicapai sekiranya ia hanya menerima maklum balas dari satu pihak. Justeru, toleransi dalam hubungan antara agama dalam kawasan kejiranan di Malaysia perlu melibatkan kedua-dua pihak iaitu Muslim dan non-Muslim. Namun, kajian yang dilakukan oleh Mohd Nazmi dan Jaffary (2016) mendapati komuniti Muslim kurang toleran dan terbuka untuk berinteraksi berbanding non-Muslim meskipun Islam menegaskan dan menggalakkan komuniti Muslim supaya bertoleransi dan berinteraksi dengan komuniti agama lain. Dalam satu hadis Rasulullah SAW, tuntutan untuk melakukan kebaikan kepada jiran tetangga dikaitkan dengan keimanan. Ini dijelaskan sebagaimana hadis yang bermaksud sebagaimana berikut:

“Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka dia tidak boleh menyakiti/menyusahkan tetangganya dan siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya, dan siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, maka hendaklah dia berkata baik atau diam sahaja”

(Riwayat al-Bukhari).

Sentimen kejiranan boleh dijadikan asas yang kuat dalam menentukan tahap kerukunan hidup dalam kelompok pelbagai etnik yang tinggal dalam sesebuah masyarakat. Lazimnya, faktor perbezaan agama, kebudayaan, kekayaan dan latar belakang pendidikan juga menjadi faktor kepada pelebaran jurang perbezaan kaum di negara ini (Marzudi et al. 2019). Dalam suatu keadaan, perbezaan ini bukan sahaja mengukuhkan lagi sikap perkauman, bahkan juga menghalang integrasi dan pergaulan yang lebih luas antara kaum berlaku.

Kerukunan hidup berjiran hanya boleh diperolehi sekiranya setiap ahli komuniti memiliki tahap kepercayaan yang tinggi terhadap setiap ahli jiran yang lain. Nilai kepercayaan yang tinggi ini boleh dizahirkan menerusi sumbangan penduduk melalui kegiatan aktiviti yang dijalankan secara bersama seperti gotong-royong dan sebagainya (Mohd Yusof et al. 2011). Ini bermakna kerukunan hidup dalam hidup berjiran dapat dizahirkan melalui rasa kepercayaan terhadap jirannya yang selanjutnya membentuk kepuasan hidup, rasa kekitaan dan meningkatkan semangat bantu-membantu dalam sesebuah komuniti. Apa yang pasti, setiap ahli kejiranan akan merasa selamat untuk tinggal dan bergantung harap terhadap jiran yang wujud dalam institusi kejiranan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes dengan melibatkan lima belas orang peserta kajian (PK) iaitu komuniti Cina bukan Muslim yang tinggal di Taman Padang Midin, Kuala Terengganu pada September 2016. Terdapat banyak taman-taman di diami oleh komuniti Cina di negeri Terengganu, namun Taman Padang Midin dipilih sebagai tapak kajian. Signifikan taman ini dipilih ialah majoriti penduduk di taman ini didiami oleh komuniti Cina dari pelbagai sub etnik yang datang daripada serata tempat dari negeri Terengganu. Oleh itu ia mewakili komuniti Cina yang datang dan tinggal dari serata negeri Terengganu. Selain itu, lokasi taman ini yang strategik terletak di kelilingi perkampungan Melayu sekaligus memperlihatkan hubungan sosial antara dua kaum ini tidak dapat dielakkan. Justeru, data-data deskriptif ini diteliti menggunakan pendekatan pensampelan bertujuan merujuk satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Ahmad Sunawari 2009) iaitu komuniti Cina dari pelbagai sub etnik yang tinggal di negeri Terengganu. Bagi menjaga kerahsiaan responden dan memudahkan analisis, penulis menggunakan kod resp#1 hingga resp#15 sebagai ganti nama peserta kajian sebagaimana yang disarankan oleh Nurulhuda dan Ramlee (2009) dalam kajiannya. Pengumpulan data kajian dilakukan melalui temu bual mendalam terhadap peserta kajian dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur. Pembinaan instrumen soalan temu bual adalah berdasarkan objektif yang ditentukan dengan bersandarkan tinjauan literatur. Soalan dibentuk mengikut tema tertentu yang disesuaikan dengan objektif kajian. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan kaedah manual dengan membaca hasil transkripsi berulang kali, membuat penandaan dan menggaris perkataan, idea dan makna yang membentuk tema dan pola dapatan kajian. Selanjutnya, pengkaji membuat interpretasi secara deskriptif terhadap hasil analisis data temu bual bagi melaporkan dapatan kajian dengan disokong oleh sedutan petikan daripada transkrip temu bual subjek kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan laporan kependudukan negeri Terengganu (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010), jumlah penduduk Cina di negeri ini ialah seramai

27,900 orang atau 2.4% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Walaupun, mewakili jumlah yang kecil, namun kelompok ini merupakan yang kedua terbesar di negeri Terengganu. Komuniti Cina dilihat begitu signifikan dalam mencorakkan sebuah masyarakat yang harmoni, bertoleransi dan makmur di negeri yang dihuni oleh majoriti komuniti Melayu Muslim ini. Sejumlah besar komuniti Cina di negeri Terengganu tinggal di bandar utama negeri ini. Hubungan komuniti Cina dan Melayu telah lama berlaku dan kerukunan hidup antara komuniti Cina dengan masyarakat Muslim tempatan boleh digambarkan melalui proses akulturasi budaya yang banyak sekali dapat dikesani dalam kehidupan seharian komuniti Cina.

Taman Padang Midin terletak di Kampung Padang Midin yang jaraknya 10 km dari bandar Kuala Terengganu. Penghuni taman ini terdiri daripada komuniti Cina yang berpegang kepada kepercayaan Buddha, Kristian dan segelintir yang memeluk agama Islam (https://en.wikipedia.org/wiki/Padang_Midin). Kedudukannya yang dikelilingi oleh komuniti Melayu memperlihatkan hubungan sosial menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Komuniti Cina yang tinggal di taman ini terdiri daripada pelbagai suku dan berasal dari pelbagai daerah negeri Terengganu. Justeru, ianya melengkapi ciri komuniti Cina yang ada di negeri Terengganu. Pada dasarnya, proses kerukunan hidup beragama komuniti non-Muslim di Terengganu melalui beberapa siri proses. Antaranya:

PENGALAMAN MEMAHAMI AGAMA ISLAM

Sejarah kerukunan hidup beragama komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu melalui perkenalan, perniagaan dan pengalaman tinggal dalam satu kawasan. Proses sosialisasi yang berlaku antara komuniti Cina dan Melayu di negeri Terengganu ini telah sekian lama berlaku. Catatan Wang Ta Yuan seorang ahli peniaga China ketika melawat Temasik pada tahun 1349M, telah singgah ke Kuala Terengganu dan beliau mendapati bahawa telah ada penempatan masyarakat Cina di negeri tersebut (Purcell 1965). Proses sosialisasi yang panjang menyebabkan komuniti ini menyerap masuk budaya masyarakat Melayu tempatan. Sememangnya Islam menjadi tunjang kepada budaya masyarakat Melayu, bermakna mempelajari budaya tersebut sekaligus mendedahkan pelbagai perihal tentang agama tersebut. Justeru, kerukunan kehidupan beragama yang berlaku dalam kalangan komuniti

Cina bukan Muslim adalah bertitik tolak proses sosialisasi dengan komuniti Melayu Muslim. Ini dijelaskan sebagaimana berikut :

Saya banyak tahu maklumat agama Islam melalui kawan-kawan bukan cari sendiri, *saya tengok dia melaksanakan sembahyang, puasa*. Kadang saya tanya tentang adat masyarakat Melayu, kenapa macam ni (Resp#1).

Bagi memastikan kerukunan dapat mencapai matlamatnya melalui jalinan hubungan sosial yang baik, Khairulnizam et al. (2016) menekankan bahawa lima perkara perlu diberi perhatian iaitu interaksi berlaku dalam keadaan baik, setiap peserta mempunyai sikap eksklusif yang rendah, mempunyai sikap altruistik yang baik, sikap kerjasama dalam penyelesaian konflik yang baik dan mempunyai sikap kerjasama sekurang-kurangnya memahami bagaimana menyampaikan mesej tanpa menimbulkan konflik atau ketegangan agama. Pemahaman komuniti bukan Muslim tentang agama Islam diperlihatkan ketika komuniti ini dijemput untuk berkunjung ke rumah rakan taulannya yang beragama Islam. Ini diceritakan sebagaimana berikut:

Bila berkunjung ke rumah kawan Melayu saya sambut hari raya saya kagum dengan budaya bersalaman, berpelukan, cium tangan sebab dalam masyarakat Cina mende ni tak dok. Saya tahu bahawa mende ini sebagai satu penghormatan (Resp#2).

Bukan setakat itu sahaja, informasi tentang agama Islam diperolehi ketika di bangku sekolah lagi biarpun mata pelajaran agama Islam tidak diwajibkan kepada pelajar-pelajar bukan Islam. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Bila kelas pengajian agama kalau tak keluar kelas saya akan dengar ustaz mengajar tentang agama Islam, huruf-huruf jawi (Resp#3).

Aspek-aspek praktis amalan agama, interaksi dan tingkah laku rakan Muslim memberikan maklumat awal tentang asas agama tersebut. Sehubungan dengan itu Hensman (1999) menyatakan dialog kehidupan dengan 'memerhati' amalan agama orang lain merupakan peringkat yang paling awal dalam proses mengenal agama orang lain. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Pernah juga orang Islam datang nak jumpa bos saya dia bagi duit RM 400 dia kata dia nak bayar hutang yang dah lama. Acap kali berlaku peristiwa ini...jadi *saya rasa kagum perangai orang Islam macam ni* sebab mende ini tak pernah berlaku dalam masyarakat Cina) (Resp#4).

Kurang memahami kehendak, aspirasi dan sensitiviti antara Melayu dan bukan Melayu juga menyumbang kepada pembentukan persepsi yang kurang baik. Ia bertambah buruk apabila kejahilan mengenai agama dan budaya lain dijadikan sebagai elemen tambahan. Manakala, pemahaman mengenai agama berasaskan tahap persepsi seseorang akan menyebabkan pemahaman mengenai toleransi agama dalam bentuk yang subjektif dan negatif (Mohd Nazmi dan Jaffary 2016). Melalui proses sosialisasi ini, sekaligus komuniti Cina terdedah dengan sensitiviti yang ada dalam kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, segala sensitiviti tersebut mesti dapat difahami dengan baik bagi memastikan kelangsungan kerukunan hidup terjamin. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Kita tengok orang-orang Melayu buat macam ini... lepas dia (orang Melayu) cakap kita tak boleh makan ayam yang tak sembelih, ayam yang ada darah, babi dan anjing tak boleh sentuh sebab binatang ni tak bersih (Resp#5).

Saya tengoklah kawan-kawan Islam sembahyang dekat Somei (kilang papan), sana ada satu surau kemudian dia puasa... *dia cerita tentang pantang larang dalam berpuasa (Resp#6)*

Berdasarkan kepada dapatan temu bual yang dijalankan di atas, ternyata dialog kehidupan yang berlaku dalam komuniti Cina Bukan Muslim berlaku kerana proses perkenalan dengan rakan yang berbeza agama sama ada kerana mendapat pendidikan bersama, pergaulan di pejabat atau melalui hubungan sosial yang berlaku secara tidak langsung. Responden menyebut “saya tengok”, “saya lihat”, “saya kagum” memperjelaskan bahawa penglibatan awal komuniti yang berbeza agama dalam dialog kehidupan adalah berlaku melalui pemerhatian.

MELESTARIKAN KERUKUNAN HIDUP DALAM BERAGAMA MELALUI PENGLIBATAN TURUT SERTA

Bertitik tolak daripada mengenal agama komuniti Muslim melalui pemerhatian, perkongsian aktiviti selanjutnya mendedahkan komuniti ini kepada nilai-nilai agama Islam yang lebih mendalam. Namun begitu, dialog kehidupan dengan ‘melibatkan diri’ secara lebih aktif dan intensif tidak banyak dilalui oleh responden bukan Muslim. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

‘Bila saya berkawan dengan orang Melayu, saya pernah ikut dia puasa *sebab saya nak tahu...* yang tak tahannya dahaga, lapar boleh ok lagi. Saya suka orang azan, bila maghrib saya akan buka siaran, saya suka dengar lagu dia. Anak saya bila belajar kat sekolah. *dia boleh baca doa makan sebab biasa dengar (Resp#2).*

Matlamat terlibat diri dalam upacara keagamaan masyarakat Muslim ialah empati diri yakni merasai apakah sebenarnya berlaku dalam amalan tersebut. Empati dapat dijelaskan sebagai kemampuan seseorang untuk mengenali, memberi andaian dan selanjutnya merasakan perasaan orang lain. Kemampuan seseorang dalam menyelami perasaan orang lain ini mampu mengeratkan hubungan antara seseorang dengan seseorang yang lain (Melor Fauzita et al. 2017). Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana petikan transkrip berikut:

‘Kalau dulu apabila kawan saya kahwin, *saya pernah ikut (rombongan untuk meminang) dengar orang bersalawat... saya tahu banyak perkara tentang agama orang Islam bila berkawan. Saya pernah join perarakan maulidur rasul, wakil jabatan... saya pakai baju Melayu bersamping... dia orang (penganjur) tak tahu saya Cina... lepas tu saya berarak sambil bersalawat. Saya suka dengar tazkirah waktu pagi, ada mende yang baik’ (Resp#12).*

Kadang kala penglibatan turut serta ini berlaku secara spontan. Pengalaman resp#11 misalnya, mendengar kuliah subuh tak kala tuan imam selesai solat apabila rumahnya berada berdekatan dengan masjid. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

‘Orang Melayu sembahyang kuat, pagi petang siang dan malam, saya tengok dia pergi masjid kadang-kadang bila orang bangun subuh saya terkejut sebab rumah saya dekat dengan masjid. Bila dia (imam) bagi kuliah, baca al-Quran *saya dengarlah dia cakap tentang dosa pahala, hukum-hukum (Resp#11).*

Dari satu sudut, walaupun dialog kehidupan yang dilalui oleh komuniti Cina tidaklah mendorong komuniti ini untuk melakukan penukaran agama Islam, namun pengalaman yang dilalui oleh mereka memberi kesan impak yang tersendiri. Antaranya dialog kehidupan memupuk proses kenal mengenal antara satu sama lain dengan lebih akrab, menghapuskan prejudis, taksud, mengetahui lebih mendalam perihal agama orang lain, menghargai perbezaan dan persamaan yang wujud dalam kehidupan beragama (Azarudin et al. 2018). Informasi terhadap budaya dan agama komuniti lain mampu melunturkan sensitiviti yang timbul. Ini jugalah yang ditegaskan oleh Siti Khatijah dan Fadzli (2017) bahawa semakin tinggi tahap sensitiviti yang ditimbulkan semakin tinggi isu perpaduan kaum ditimbulkan dalam masyarakat.

PERSEPSI TERHADAP AGAMA ISLAM DAN MASYARAKATNYA

Masyarakat Cina juga ditanya tentang persepsi semasa mereka terhadap agama Islam dan masyarakatnya di negeri Terengganu, hasil dapatan

boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu kategori yang pertama ialah kelompok yang melihat agama Islam dari ‘perspektif positif dan negatif’. Kumpulan yang kedua pula merupakan kelompok yang enggan memberi jawapan kerana alasan ingin menjaga sensitiviti keagamaan dan demi menjaga hubungan yang baik dengan rakan serta keluarga yang beragama Islam. Manakala kelompok yang ketiga hanya memberi gambaran dalam perspektif yang negatif.

Pandangan kategori yang pertama merupakan kelompok yang paling ramai dijumpai oleh pengkaji. Walaupun pelbagai pendedahan tentang agama Islam diperolehi oleh komuniti Cina melalui penglibatan mereka dalam dialog kehidupan, namun apabila proses dialog ini tidak mendapat kerjasama yang baik dari rakan dialog, maka matlamatnya tidak akan dicapai dengan baik. Sewajarnya, sifat seorang Muslim cenderung membantu dan menyelamatkan saudaranya dan individu lain yang merangkumi non-Muslim dari sebarang masalah apatah lagi yang memudaratkan. Karakter Muslim seumpama ini amat dituntut dan memperlihatkan akhlak Muslim sejati. Justeru, persepsi negatif dalam kalangan masyarakat Cina terhadap agama Islam bertitik tolak kepada sikap komuniti Melayu Muslim sendiri khususnya dalam kalangan remaja yang mempamerkan akhlak yang tidak menghormati kehidupan orang lain. Ini dijelaskan sebagai mana berikut:

“Hari ini saya tengok anak orang Melayu terlalu bebas, *kacau saya punya barang*, bila saya bela anjing dia kacau kita tengok dia (remaja Melayu) buat. Sebab saya bukan Islam apa salah saya bela anjing. Bagi saya bukan 100% masyarakat Islam baik dan saya tidak bergaduh dengan dia orang (masyarakat Muslim.) Ada perkara yang saya suka pada masyarakat Islam dan saya suka berniaga dengan orang Islam *sebab mereka jujur*. (Resp#1)

Selain itu, pandangan negatif ini juga berpunca salah faham terhadap agama Islam yang wujud dalam kalangan komuniti itu sendiri. Dalam kata lain permasalahan yang kecil yang berlaku dalam lingkungan masyarakat yang berbeza kepercayaan seperti mencaci, merosakkan harta orang lain dan mengganggu ketenteraman menyebabkan timbul salah faham. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

“Saya tak suka *masyarakat Islam yang fanatik* contohnya kalau buat macam ni mesti syahid, berani mati (bom diri) lepas itu boleh masuk syurga. Keadaan begini menyebabkan kita salah faham, *kita anggap Islam ajak buat perkara yang tak baik*. Keadaan begini *menyebabkan ada perasaan benci terhadap orang Islam*. Satu lagi saya tak suka budak-budak kat Kampung yang *caci*

agama orang lain. Kadang-kadang *dia* (remaja Melayu) *gelar kita dengan apek...* tapi sekarang ni agak kurang. Ada perkara yang saya suka pada orang Islam saya suka perangai yang setia kawan *maknanya suka tolong sungguh-sungguh*. Kalau suami saya minta kawan-kawan Melayu dia tolong, dia semua akan tolong” (Resp#2).

Mohd Nazmi dan Jaffary (2016) menyatakan identiti keislaman yang lebih bersifat eksklusif lebih jelas terserlah di kawasan luar bandar kerana kebanyakan komuniti Muslim pada kebanyakan kawasan tersebut memiliki majoriti yang sangat besar berbanding kawasan pekan dan bandar. Tambahan pula, mereka kurang berinteraksi dengan penduduk komuniti bukan Islam secara tidak langsung pandangan mereka berbeza dengan penduduk di kawasan bandar. Hasil kajian mendapati, kerukunan hidup komuniti ini banyak dicalarkan oleh perlakuan remaja-remaja Muslim sekaligus menyebabkan pandangan mereka terhadap Islam adalah tidak sebenarnya. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“*Budak-budak yang belasan tahun panggil kita apek, cakap dok senonoh menyebabkan kita jadi koho nak marah kepada orang Islam*. Ada yang positif macam orang Melayu, kalau dia buat baik dengan kita, kalau musim buah rambutan, durian *dia akan datang cari kita*” (Resp#3).

Ahmad Faqih et al. (2019) menjelaskan bahawa keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim disebabkan kegagalan sesebuah sistem kekeluargaan dalam menerapkan nilai-nilai positif sejak dari kecil lagi. Bahkan isu keruntuhan akhlak atau istilah lain delinkuen dalam kalangan remaja sentiasa menjadi perhatian media dan perbualan masyarakat. Berkait dengan ini, resp#5 yang menyifatkan perilaku buruk dalam kalangan remaja Islam berpunca dari sikap tidak peduli ibu bapa terhadap apa yang dilakukan oleh anak-anaknya. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“*Budak-budak Melayu tak berapa respect to older*. Ibu bapa perlu ajar anak agar respect kepada binatang (anjing) bila orang Cina bela anjing, dia baling batu depan mata saya, dia (remaja Melayu) *rosak tanaman* yang saya tanam kat belakang. Cina children tak pernah buat macam tu. Budak-budak kampung, *every cuti berlumba motor, anak-anak 10-12 tahun keluar tengah malam tanpa diambil peduli oleh ibu bapa*, bukan sedikit malah berpuluh-puluh orang. Tapi kalau orang Islam kalau yang baik tu macam bro atau sister” (Resp#5).

Mendidik manusia merupakan satu proses budaya yakni usaha membudayakan manusia dengan segala sifat-sifat kemanusiaannya. Manusia bukan sekadar dipandang sebagai objek tetapi juga sebagai subjek. Sebagai objek, manusia

menjadi pelaku dalam memaksanakan nilai-nilai yang dihadapkan oleh sasaran. Justeru, citra yang ditonjolkan oleh masyarakat Muslim yang kadang kalanya melampaui batas yang pastinya memberi interpretasi yang buruk tentang agama Islam kepada komuniti Cina. Selagi mana sikap saling hormat-menghormati, saling harga menghargai dan saling mempercayai terhadap masyarakat yang berbeza cara hidup tidak dapat dirungkai dengan baik, pastinya matlamat untuk hidup dengan rukun tidak akan tercapai.

IMPLIKASI DIALOG KEHIDUPAN TERHADAP KERUKUNAN HIDUP

Dialog kehidupan yang memaparkan pelbagai bentuk perkongsian aktiviti memberi pengalaman baru kepada komuniti Cina iaitu mempelajari sesuatu tentang agama dan budaya masyarakat Melayu Muslim, menerima hakikat perbezaan hidup dan memupuk sikap saling hormat menghormati dalam diri. Kerukunan hidup tidak akan dapat dicapai seandainya sensitiviti ini dianggap tidak penting. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Bila saya terlibat dalam upacara orang Melayu, banyak saya tahu tentang perkara-perkara penting dalam kehidupan agama orang Islam (Resp#2).

Dialog secara asasnya merupakan satu bentuk perjumpaan, duduk bersama-sama untuk berbincang dan dialog merupakan salah satu cara membentuk ikatan tali persaudaraan bagi mencapai kerukunan hidup (Mohd Hatib et al. 2018). Namun kerukunan hidup menuntut kepada sifat keterbukaan. Justeru, sikap keterbukaan dalam menerima pendedahan tradisi agama Islam membuka ruang kepada peserta untuk memahami agama masyarakat lain secara lebih dekat. Sedikit sebanyak sudut pandangan seseorang individu yang terlibat dalam dialog kehidupan akan berubah hasil penglibatannya dalam aktiviti bersama. Pengalaman ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Bila saya terlibat dalam aktiviti masyarakat Melayu, banyak mende baru saya belajar dan saya dapat memahami dengan lebih jelas...(Resp#1).

Bukan mudah seorang penganut sesuatu agama untuk memahami, mendalami dan membuat kajian terhadap agama lain. Dengan itu, dialog kehidupan perlu dibudayakan kerana ia menjadi satu mekanisme perkongsian nilai-nilai sepunya antara agama dan mampu mengenalpasti kelemahan dan kelebihan

masing-masing (Mohd Hatib et al. 2018). Dalam kata yang mudah, maklumat dan pengetahuan tentang agama serta budaya yang berbeza melalui dialog kehidupan dapat disalurkan dengan sekelip mata kepada sesiapa sahaja yang terlibat. Implikasinya, ritual agama yang berbeza membentuk kerangka pemikiran yang berbeza. Hakikatnya ini diakui oleh responden berikut:

Saya boleh tahu tentang amalan masyarakat Islam sebab dalam Buddha ia sangat berbeza (Resp#3).

Dialog kehidupan dalam bentuk ini bersifat semula jadi, berlaku secara spontan dan melibatkan hati, perasaan serta minda para peserta. Berkait dengan ini Ahmad Faizuddin dan Jaffary (2016) menyatakan segala bentuk proses komunikasi antara komuniti pelbagai agama mampu membina persefahaman berasaskan pandangan yang wujud antara mereka. Sekiranya wujud perkara yang tidak dapat disepakati, peserta dialog akan melaluinya dengan sikap berlapang dada dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Lalu kesannya begitu besar kepada setiap peserta, bilamana dialog sebegini mampu membina kerukunan hidup yang dizahirkan dalam bentuk toleransi dan persefahaman. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Saya dapat kenal budaya orang Melayu lepas itu ia dapatkan lagi erat hubungan antara kitalah (Resp#6).

Kewujudan ahli komuniti daripada latar belakang sosial yang berbeza terutamanya dari segi budaya dan agama memberi peluang dan pilihan yang baik kepada ahli yang lain bagi membentuk interaksi dan persahabatan merentasi etnik. Dialog kehidupan merupakan satu bentuk toleransi melalui perkongsian aktiviti yang boleh diketengahkan dalam aktiviti rutin seharian seperti gotong royong, sambutan hari kebesaran agama, program-program yang bersifat kebudayaan dan sebagainya. Toleransi sebegini bertujuan untuk membentuk kehidupan yang harmoni melalui perkongsian kebaikan tanpa menggadaikan sebarang prinsip yang perlu dipegang di dalam agama tersebut (Nur Farhana et al. 2020). Justeru, melalui pengalaman yang diperoleh, pastinya setiap peserta akan merasai aktiviti yang merentasi budaya dan agama yang dapat mempertingkatkan kerukunan hidup antara satu sama lain di mana sahaja. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Kita boleh dengar dan dapat tambah respect hak agama dia orang (komuniti Melayu) (Resp#7).

Perihal ini jugalah yang ditegaskan oleh Muhammad Yusuf (2018) dengan menyatakan bahawa penglibatan dalam dialog kehidupan dalam aneka budaya dan agama bukan sahaja mendedahkan tentang struktur agama atau budaya setempat malah lebih jauh lagi aktiviti ini juga memberi kefahaman terhadap nilai hidup sesebuah masyarakat yang lain, ia memberikan penghargaan, apresiasi serta saling bekerjasama untuk menemukan rahsia erti kerukunan dalam kehidupan. Justeru, rakan dialog dapat menerima sesuatu yang baru mengenai agama masyarakat lain daripada pertemuan tersebut.

KESIMPULAN

Berasaskan perbincangan yang telah diutarakan, ternyata bahawa kerukunan hidup komuniti Cina di taman Padang Midin, Kuala Terengganu menggambarkan satu contoh bentuk proses sosialisasi yang sering berlaku di taman perumahan di negeri Terengganu. Kerencaman proses sosialisasi yang sering berlaku ini menyebabkan komuniti Cina ini menyerap masuk budaya masyarakat Melayu dalam kehidupan sehariannya. Contoh tauladan yang ditonjolkan sebahagian Muslim yang tidak memaparkan hakikat ajaran Islam yang sebenar dari aspek tindakan dan perlakuan kadang kala diterjemahkan sebagai natijah ajaran agama tersebut. Sekaligus pemahaman itu sebenarnya akan menjadi punca kacau-bilau, salah faham dan stereotaip negatif dalam kalangan komuniti bukan Muslim di taman perumahan.

Dialog kehidupan yang merujuk kepada satu proses pembelajaran melalui proses 'kenal mengenal secara spontan dalam erti kata peserta belajar memahami agama dan budaya orang lain melalui perkongsian aktiviti agar kerukunan hidup dapat dikekalkan. Perihal ini amat perlu dalam menjaga keharmonian kehidupan sebagaimana yang dianjurkan sendiri oleh ajaran Islam. Namun, toleransi amat diperlukan bagi menjamin kelangsungan keharmonian yang terjejas akibat salah faham dan kebimbangan yang timbul dalam menangani permasalahan yang tidak dapat disepakati bersama khususnya di kawasan perumahan yang didiami pelbagai etnik. Tuntasnya, pengalaman penglibatan komuniti Cina dalam dialog kehidupan di taman perumahan ini membantu komuniti ini memahami, mendalami dan merapatkan lagi hubungan sosial yang telah terbina sekian lama.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/FRGS/ 5/3 (473/2019) di bawah Universiti Teknologi Mara dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

RUJUKAN

- Afriva Khaidir. 2006. Peace by neighborhood: Rukun tetangga sebagai asosiasi persatuan kejiwaan dan potensi praktikalnya terhadap hubungan antar etnik di Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Demokrasi* 5 (2): 103-126.
- Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang. 2016. Dialog antara agama menurut perspektif Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 2: 22-34.
- Ahmad Faqih Ibrahim, Umami Nuwairah Norismail, Mustafa Kamal Amat Misra & Muhammad Hilmi Mat Johar. 2019. Tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja yang terlibat dengan keruntuhan akhlak. *Jurnal Maw'izah* 2: 71-78.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu 'Abd Allah. 1972. *Jamic Al-Sahih*. Qaherah: Al-Matba 'ah al Salfiyah Wa Maktabah.
- Al-Jauziyah, Ibn Qayyim, Muhammad Abi Bakr. t.t. *At-Tafsiru Al-Qayyimu*. Beyrouth: Darul Al-Fikr.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat & Wahairi Mahmud. 2018. Medium komunikasi intrapersonal dalam dialog antara agama komuniti saudara baru. *Jurnal Akademika* 88(3): 43-54.
- Hamdan Daulay. 2018. Studi kasus peran wanita dalam membina budaya kerukunan umat beragama di Kabupaten Sleman. *HIKMAH* 12(2): 254-272.
- Hasmah Isa, Maisarah Sharul, Balqis Sharul & Asri Harun, ed. 2014. *Mutiara Ihya Uhumuddin*. Ipoh: Penerbit Bukubuku Sdn. Bhd.
- Hensman, J. M. 1999. The Dialogue of Life as the Locus of Non-verbal Interreligious Dialogue. *East Asian Pastoral Review*. <http://eapi.admu.edu.ph/content/dialogue-life-locus-non-verbal-interreligious-dialogue>. Retrieved on: 23 January 2020.
- Kampung Padang Midin, Kuala Terengganu. https://ms.wikipedia.org/wiki/Kampung_Padang_Midin,_Kuala_Terengganu. Retrieved on: 10 December 2019.
- Ibnu Rusydi & Siti Solehah. 2018. Makna kerukunan antara umat beragama dalam konteks keislaman dan keindonesian. *Al-Afkar, Journal for Islamic Studies* 1(1): 170-181.
- Jazimin Zakaria & Sity Daud. 2018. Menelusuri pendemokrasian di Malaysia: Impak terhadap pencapaian integrasi nasional. *e-Academia Journal* 7(1): 1-14.

- Khadijah Muda, Khairul Anwar Mastor, Fazilah Idris & Siti Azhani Tohar. 2019. Faktor demografi dalam toleransi beragama dalam kalangan belia di Malaysia. *Jurnal Sains Insani* 4(2): 76-81.
- Khairulnizam Mat Karim, Suzy Aziziyana Saili & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. 2016. Pemimpin agama: Model ejen pelaksana dialog antara agama di Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)* 6(1): 87-100.
- Martinez, P. A. 2008. Case Study of Malaysia: Muslim-Christian Dialogue and Partnership Possibilities and Problems with Suggestions for the Future. Dlm. *Dialogue of Civilizations and Construction of Peace*, disunting oleh Thomas W. S. & Azizan Baharuddin, 111-141. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Marzudi Md Yunus, Zamree Abu Hassan & Mohammad Nazzri Ahmad. 2019. Tahap kepercayaan etnik Melayu terhadap etnik lain dan pengaruhnya kepada interaksi sosial penghuni rumah jenis pangsapuri. *Jurnal Melayu* 18 (2): 302-314.
- Melor Fauzita Md. Yusoff, Nor Hafidah Ibrahim & Rohaya Md Ali, Nor Hasimah Ismail. 2017. Empati dan Penulisan Dokumen: Suatu Analisis Kesantunan Berbahasa. Dalam *Proceedings of the International Consortium of Education and Culture Research Studies (ICECRS)* 1(2): 74-77.
- Mohd Hatib Ismail, Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. 2018. Dialog antara agama menurut perspektif Fethullah Gulen. *Jurnal of Fatwa Management and Research* (Special Edition): 301-321.
- Mohd Nazmi Abd Halim & Jaffary Awang. 2016. Tahap Persepsi Muslim dan non-Muslim mengenai hubungan interaksi antara agama: Kajian tinjauan di negeri Kedah dan Selangor. e-Bangi. *Journal of Sciences Social & Humanities* 11(2): 104-124.
- Mohd Syariefudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor. 2013. Kesepaduan sosial dan kejiranan di kawasan rukun tetangga. *Jurnal Kinabalu* 19: 53-75.
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Suraiya Ishak & Abd. Hair Awang. 2011. Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. GEOGRAFIA Online. *Malaysian Journal of Society and Space* 7(3): 36-44.
- Muhammad Arif Yahya & Muhammad Haikal Mohd Hedzir. 2020. Pendekatan terhadap bukan muslim dalam gerakan dakwah di Malaysia: Perbincangan hadith-hadith berkaitan. *Jurnal Akademika* 90(3): 163-171.
- Muhammad Yusuf. 2018. Implikasi konflik historis islam-kristen barat terhadap munculnya stigmatisasi permusuhan. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam* 9(2): 157-173.
- Nazneen Ismail, Aemy Elyani Mat Zain Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin & Maryam Habibah Kamis. 2018. Pendekatan fiqh ta'ayusy dalam menangani konflik antara agama. *ISLAMIIYAT* 40(2): 151-160.
- Nurulhuda Che Abdullah, & Ramlee Mustapha. 2009. Kajian kes usahawan tani industri kecil sederhana (IKS) bumiputera di Negeri Terengganu). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 143-165.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, Jaffary Awang, Zul'Azmi Yaakob, Nur Solehah Shapiee. 2020. Memahami agama lain asas toleransi beragama: Tujuan dan syarat dari perspektif pemimpin agama di Malaysia. *Jurnal Akademika* 90(2): 165-179.
- Osman Bakar. 2011. The evolving face of religious tolerance in post-colonial Malaysia: Understanding its shaping factors. *Islam and Civilisational Renewal* 2 (4): 621-638.
- Purcell, V. 1965. *The Chinese in Southeast Asia*. London: Oxford University Press.
- Azarudin bin Awang (corresponding author)
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Terengganu, 23000, Kampus Dungun
Terengganu
Email: azaru154@uitm.edu.my
- Azman bin Che Mat
Akademi Pengajian Bahasa
UiTM Cawangan Terengganu, 23000, Kampus Dungun
Terengganu
Email: azman531@uitm.edu.my
- Mohammad Kamari bin Taib
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Terengganu, 23000, Kampus Dungun
Terengganu
Email: mohdkamari@uitm.edu.my
- Noor Hasyimah binti Sulaiman
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Terengganu, 23000, Kampus Dungun
Terengganu
Email: noorh321@uitm.edu.my
- Wahairi bin Mahmud
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Terengganu, 23000, Kampus Dungun
Terengganu
Email: wahairi@uitm.edu.my

Received: 12 May 2020

Accepted: 24 May 2021